



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM IMUNISASI INDUSTRI COVID-19 KERJASAMA AWAM SWASTA (PIKAS) UNTUK SEKTOR PEMBUATAN DILANCARKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA FASA 4 PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK) UNTUK MEMPERCEPATKAN IMUNISASI BAGI RAKYAT**

---

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan (KKM) telah bersetuju bahawa **Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS)** akan dilancarkan sebagai **Fasa 4** Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (**PICK**) untuk **mempercepatkan imunisasi bagi Rakyat**. Ini akan dapat mempertingkatkan tahap pencapaian imuniti kelompok di dalam komuniti.

PIKAS adalah program imunisasi **kerjasama awam-swasta** yang **menyasarkan pekerja** dimana **MITI** telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan imunisasi pekerja bagi **sektor pembuatan**. Beberapa kementerian lain juga akan bertanggungjawab untuk vaksinasi pekerja bagi sektor masing-masing. **Penyertaan** syarikat dan pekerja dalam PIKAS adalah **secara sukarela**.

PIKAS diperkenalkan berikutan cadangan dari persatuan industri, dewan perniagaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana untuk membantu Kerajaan menyegerakan imunisasi bagi Rakyat.

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, "**Kerajaan komited** untuk memastikan **pekerja** mendapat **vaksin percuma** di bawah **PIKAS**, yang **disokong oleh sektor swasta** dalam mentadbir pengurusan vaksinasi yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk **vaksinasi di premis kilang** yang akan melibatkan pengamal perubatan swasta".

Pelaksanaan **PIKAS** akan bermula pada **16 Jun 2021** dengan vaksinasi dijalankan di premis kilang dan lokasi perindustrian yang dikenalpasti. Syarikat dalam subsektor pembuatan kritikal termasuk **elektrik dan elektronik, pemprosesan makanan, besi**



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

dan keluli, alat perubatan, alat pelindung diri (PPE), minyak dan gas serta produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan akan diberikan keutamaan untuk vaksinasi. Sektor-sektor ini penting dalam **menyokong rantai bekalan produk dan perkhidmatan penting** serta pembinaan, penyelenggaraan dan kelancaran **infrastruktur kritikal** termasuk utiliti dan **sistem penjagaan kesihatan awam**.

Susulan beberapa siri sesi libat urus yang dijalankan sebelum ini, MITI akan menjalankan sesi libat urus tambahan dengan persatuan industri dan dewan **perniagaan** yang berkaitan untuk mengkoordinasikan program ini bersama MITI. Setakat ini MITI telah menerima permohonan dari lebih 500 syarikat dengan jumlah pekerja seramai 106,591 untuk menyertai PIKAS. Syarikat pembuat lain yang berminat untuk mengambil bahagian disaran untuk mengemukakan permohonan mereka melalui persatuan industri dan dewan perniagaan sektor masing-masing.

Keutamaan vaksinasi syarikat akan ditetapkan mengikut beberapa pertimbangan termasuk lokasi syarikat di zon merah COVID-19. Syarikat perlu mengikut terma dan syarat yang antaranya memerlukan **pekerja berdaftar dengan MySejahtera** untuk program PICK. **Majikan tidak dibenarkan memotong gaji pekerja untuk menanggung yuran pentadbiran kepada pengamal am perubatan swasta dan untuk penggunaan pusat pentadbiran vaksin yang dikendalikan oleh pihak swasta, termasuklah** apabila pekerja tidak lagi bekerja di syarikat yang sama sebelum imunisasi penuh pekerja yang berkenaan.

Kerajaan tidak akan berkompromi dalam keutamaan vaksinasi bagi golongan yang paling memerlukan melalui PICK, namun pelaksanaan PIKAS adalah penting bagi melindungi pekerja dari risiko jangkitan.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)**

**12 JUN 2021**



**KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

### **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)